

**LEBIH BAIK SAMPAI LEWAT
DARIPADA TIDAK TIBA LANGSUNG'**

Nasihat Dr. M bila pulang berhari raya

UM 24 APR 1990

KUALA LUMPUR 23 April — Perdana Menteri meminta orang ramai yang pulang berhari raya ke kampung membetulkan sikap ketika berada di jalan raya kerana kebanyakan kemalangan berpunca daripada pengguna sendiri.

Beliau mahu mereka menyedari bahawa adalah lebih baik sampai lewat ke destinasi daripada tidak sampai langsung.

"Walaupun ada orang yang berkata dari Kuala Lumpur ke Ipoh memakan masa 13 jam, saya rasa lebih baik daripada tidak sampai langsung. Jadi kita kena ingatlah.

"Kalau kita cepat sekalipun, kecepatan itu tidak berapa minit," katanya dalam satu temuramah dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sempena Hari Raya yang disiarkan hari ini.

o' Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Keselamatan Jalan Raya berkata, terdapat pengguna yang cukup lemah - lembut dan berting-kahlaku baik tiba - tiba bertukar menjadi manusia lain yang bengis, marah dan tidak sabar apabila berada di jalan raya.

"Saya berpendapat bahawa sikap orang yang memandu kereta seperti inilah yang menyebabkan kemalangan jalan raya," ujarnya.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, kerajaan akan mengadakan kursus dan mungkin juga memperketatkan pengeluaran lesen memandu dengan mengadakan ujian yang lebih, terutamanya terhadap etika jalanraya.

Bagaimanapun, katanya, analisis - analisis menunjukkan banyak kemalangan berpunca daripada pengguna - pengguna sendiri.

"Kalau mereka menggunakan jalan raya dengan cermat, saya yakin tidak berlaku begitu banyak kemalangan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan mengadakan seberapa banyak kemudahan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Nasihat Dr. M bila pulang berhari raya

UM 24 APR 1990

termasuk membina lebih banyak pembahagi jalan, rondaan oleh pihak berkuasa dan memasang papan tanda terutamanya di kawasan - kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

"Kita juga akan memperbaiki jalan dan meluruskannya walaupun kadang - kadang bila kita luruskan, mereka membawa kenderaan dengan lebih laju dan ini menyebabkan kemalangan juga.

"Jadi akhirnya walau apapun yang kita buat, terpulanglah kepada pengguna - pengguna jalan raya. Mereka mesti membetulkan sikap," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa walaupun Jepun mempunyai 55 juta kereta berbanding dengan Malaysia (satu juta), kemalangan di negara tersebut tidak pula meningkat kepada 55 kali ganda.

Katanya, keadaan yang sama juga tidak berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah kerana pengguna - pengguna jalan raya di sana mempunyai etika penggunaan jalan raya iaitu satu adat resam menggunakan jalan raya.

"Mereka sanggup memberi jalan, mereka tidak terlalu go-poh, tidaklah selalu memandu

dengan laju, mengambilkira orang lain yang menggunakan jalan.

"Dalam perkara ini, kita selalu menganggap bahawa orang lain yang salah. Kita harus bertanya kepada diri kita sama ada kita juga bersalah," katanya.

Mengenai jawatankuasa yang beliau pengerusikan itu, Perdana Menteri memberitahu mesyuarat pertamanya akan diadakan selepas Hari Raya nanti.

Katanya, mesyuarat khas itu akan memberikan idea - idea baru yang dipercayai boleh membantu mengurangkan kemalangan jalan raya.

LIHAT MUKA 2